

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN 'PERAK FOOD HUNTER' 2.0

PERTANDINGAN VIDEO REVIU MAKANAN PERAK PLATFORM MULTIMEDIA KREATIF PROMOSI INDUSTRI MAKANAN UNIK DAN PELANCONGAN NEGERI

IPOH, JANUARI 6, 2023 – Satu majlis penyampaian hadiah telah berlangsung di Hotel Casuarina@Meru hari ini untuk meraikan para pemenang Pertandingan Perak Food Hunter 2.0, yang merupakan pertandingan video pendek reviu makanan-makanan unik di negeri Perak.

Anjuran Kerajaan Negeri Perak melalui Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia (BSKM) dahulu bersama-sama Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak), pertandingan ini telah menerima sebanyak 350 penyertaan dari seluruh Malaysia.

Berbanding dengan tahun sebelumnya yang hanya tumpu kepada Kategori Café dan Kategori Street Food, jumlah penyertaan ini telah meningkat sebanyak 50% lanjutan menerusi Kategori Terbuka bagi merangkumi pelbagai jenis makanan yang ada di negeri Perak.

Pertandingan yang dilancarkan pada 20 Ogos sehingga 31 Oktober 2022 ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM30,000.00, termasuk pakej penginapan daripada para penaja seperti pihak Pejabat BSKM, Tourism Perak, Hotel Casuarina@Meru, Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Puncak Emas Infra Sdn. Bhd., Moki's, Miker Pizza dan Areo Sdn. Bhd.

Majlis penyampaian hadiah bagi seramai 12 orang pemenang ini disempurnakan oleh tetamutetamu kehormat, iaitu Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Mantan Pengerusi Jawatankuasa BSKM selaku penaung program, YBrs. Encik Khairul Shahril bin Mohamed, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), YBhg. Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak serta Pengurus Besar Puncak Emas Infra Sdn. Bhd., Ir. Saiful Azzuan bin Aznam.

Turut menyaksikan, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan.

Inisiatif yang bertujuan bagi membantu menggerakkan ekonomi sektor makanan dan pelancongan tempatan melalui video-video reviu makanan yang kreatif dan menarik oleh para pengengaruh makanan (food influencers) atau *Key Opinion Leaders* (KOLs), dijangka akan diteruskan sebagai satu program tahunan kelak bagi negeri Perak.

